

Bapa tiri bersama ibu kandung pukul mangsa dengan rotan, penyangkut baju

# Budak didera selama dua tahun

Oleh SHARKAWI LONDING

**JOHOR BAHRU** – Penderitaan seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun yang dipukul dan didera dengan kejam oleh bapa tiri serta ibu kandungnya selama dua tahun berakhir apabila kedua-dua suspek itu diberkas di Pangsapuri Desa Melayu, Taman Bayu Puteri di sini kelmarin.

Suspek lelaki yang juga bekas bantuan di Balai Polis Puchong Jaya berusia 29 tahun dan isterinya warga Indonesia, 38, ditahan di rumah mereka di pangsapuri tersebut pada pukul 1 petang.

Ketua Polis Daerah Jo-



**GAMBAR** seorang kanak-kanak dengan kesan kecederaan pada belakang badan akibat didera bapa tiri dan ibu kandungnya tular di media sosial kelmarin.

hor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Shahurinain Jais

berkata, kedua-dua suspek ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 kerana mendera.

“Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek mengaku telah melakukan penderaan terhadap kanak-kanak itu sejak dua tahun kebelakangan ini.

“Ketika tangkapan dilakukan, polis turut merampas beberapa peralatan antaranya ialah wayar mikrofon, rotan serta penyangkut baju yang dipercayai digunakan suspek untuk memukul kanak-kanak itu,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Shahurinain memberitahu, mangsa kini menjalani pemeriksaan dan rawatan serta pemantauan di Hospital Sultanah Aminah selain pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat sudah dimaklumkan mengenai kejadian itu.

Ujarnya, mangsa didapati

tidak memiliki MyKid kerana kelahirannya tidak pernah didaftarkan selain kanak-kanak tersebut juga tidak bersekolah.

“Siasatan lanjut mendapati suspek yang kini bekerja sebagai pemandu bas di Singapura itu tidak memiliki rekod jenayah selain ujian air kencing didapati negatif manakala isterinya seorang peniaga makanan online.

“Hasil perkahwinan kedua-dua suspek, mereka dikurniakan dua cahaya mata iaitu seorang anak perempuan berusia tiga tahun serta lelaki berumur setahun. Kedua-dua anak mereka diserahkan kepada ibu suspek lelaki,” ujarnya.

Kedua-dua suspek ditahan reman selama tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan.

Gambar kanak-kanak terabit dengan keadaan badannya penuh dengan luka dan melecur

INFO

Kes dera kanak-kanak

**13 Januari 2019** - Seorang bayi lelaki berusia 9 bulan disahkan meninggal dunia akibat mati otak selepas dipercayai didera pengasuhnya di Taman Permai, Sibul, Sarawak

**27 Disember 2018** - Sepasang suami isteri ditahan polis selepas seorang budak lelaki berusia lima tahun maut akibat dipercayai didera mereka di sebuah rumah di Bandar Dato' Onn, Johor Bahru, Johor

**23 November 2018** - Seorang tukang gunting melakukan penderaan fizikal dan seksual terhadap bayi perempuannya berusia 11 bulan sehingga maut di sebuah rumah sekitar Bandar Baru Bangi, Selangor

akibat kesan penderaan turut tular di media sosial sejak kelmarin.